

Lebih 10,000 dijangka sambut PM di Terengganu

KUALA TERENGGANU 15 Jun - Lebih 10,000 orang dijangka menyambut ketibaan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Lapangan Terbang Sultan Mahmud dekat sini, Sabtu ini.

Lawatan Perdana Menteri ke negeri ini adalah untuk merasmikan majlis penutup konvensyen khas UMNO Terengganu di Hotel Primula Beach Resort di

sini pada kira-kira pukul 3 petang.

Konvensyen khas yang berlangsung dua hari mulai esok diadakan khusus untuk menyatakan sokongan padu UMNO Terengganu kepada Abdullah dalam isu berhubung kritikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap kepimpinan beliau.

Setiausaha Badan Perhubungan UM-

NO negeri, Datuk Rosol Wahid berkata, sambutan besar-besaran rakyat negeri ini terhadap Abdullah adalah sebagai menunjukkan sokongan padu mereka kepada kepimpinan Perdana Menteri.

"Selain penyokong UMNO dan Barisan Nasional, orang ramai yang berhasrat menyambut Perdana Menteri boleh berkumpul di lapangan terbang itu pada

pukul 1.30 petang," katanya di sini hari ini.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri petang semalam berkata, Abdullah dijangka membuat satu pengumuman penting mengenai Terengganu semasa berucap pada konvensyen tersebut.